

**SUNDAIT KADAZANDUSUN: DOKUMENTASI
DAN ANALISIS**

JANATAN BINBANG @ JANATHAN KANDOK

**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENGAJIAN SENI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2011**

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS
TESISJUDUL: SUNDAIT KADAZANDUSUN: DOCUMENTASI DAN ANALISISIJAZAH: DOKTOR FALSAFAHSAYA: JANATHAN BIN BANG@JANATHAN ICANDoC
(NAMA PENULIS DALAM HURUF BESAR) SESI PENGAJIAN: S2, 2007

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan dan pemeliharaan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat pendigitasian
5. Sila tandakan (/)

- SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

TANDATANGAN PENULIS

Alamat tetap:
Lorong Ujana 8,
No 10, Taman Ujana Kingfisher
88450, Kota Kinabalu.

Tarikh: 30 Jun 2011

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

prof Madya Dr. Low Kei on

(NAMA PENYELIA)

Tarikh: 30 Jun 2011

Catatan :- *Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Jun 2011


Haji Janatan Binbang @ Janathan Kandok
PY20078370

PENGESAHAN

NAMA : HAJI JANATAN BINBANG @ JANATHAN
KANDOK

KAD MATRIK : PY20078370

TAJUK : *SUNDAIT KADAZANDUSUN: DOKUMENTASI
DAN ANALISIS*

IJAZAH : DOKTOR FALSAFAH

TARIKH VIVA : 30 JUN 2011

PENYELIA

Prof. Madya Dr. Low Kok On:

Tandatangan



PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah Rabul Jalil kerana dengan limpah kurniaNya tesis ini dapat disiapkan mengikut perancangan. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Hj. Ismail bin Ibrahim, Dekan Sekolah Pengajian Seni, UMS, yang telah menghulurkan begitu banyak bantuan dan sokongan moral kepada penulis. Kepada Profesor Madya Dr. Low Kok On, pengkaji merakamkan jutaan terima kasih atas komitmen dan dedikasi beliau dalam mendorong, membimbing dan menyelia penulis sejak dari peringkat awal sampailah tesis ini disiapkan sepenuhnya. Seterusnya, penulis juga mengucapkan ribuan terima kasih Kepada Encik Romzi Abdullah, yang sudi menjadi pembantu dan penterjemah dalam sepanjang kerja lapangan penulis. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada Puan Rita Lasimbang, Cikgu Noraini binti Kamit, Encik Micheal Salad, Encik Azlan Abdullah, Ketua Anak Negeri Alexandar Kadir dan Ketua Anak Negeri Abar Gumpai atas bantuan memperkenalkan informan dan menterjemah *sundait* ke dalam bahasa Melayu. Penulis juga terhutang budi kepada setiap informan yang sudi mengorbankan masa untuk membolehkan pengkaji menyempurnakan kerja lapangan ini. Kepada Pengarah Kastam Sabah, Tuan Hj. Mohd. Kassim bin Ismail, pengkaji mengucapkan terima kasih atas kelulusan cuti panjang agar penulis dapat menyiapkan tesis ini. Kepada isteri tercinta, Norsiah S.M. Kumar dan anak-anak tersayang, Khairul Farhan Janatan, Nabil Alwan Janatan dan Atiqah Syasya Janatan, terima kasih atas sokongan moral dan kesabaran kalian menyedari bahawa "bapa selalu ghaib daripada pandangan" buat selama hampir empat tahun lamanya. Akhir sekali, bagaikan *sundait* yang berbunyi, "*Oruai poposawit, nga aleed mongunawit* (Jaeapan: *Sundait*)" [Menyangkutnya sekejab, merungkainya mengambil masa lama (Jawapan: Teka-teki)]. Dengan kata lain, tajuk tesis ini mungkin kedengaran mudah namun sepanjang penyelidikan ini memerlukan titik peluh, masa, ketekunan, pemikiran tajam, bantuan dan doa daripada semua pihak bagi pengkaji menyiapkannya. Mujurlah kerana anda semua sudi membantu saya!

Haji Janatan Binbang @ Janathan Kandok
30 Jun 2011

ABSTRAK

SUNDAIT KADAZANDUSUN: DOKUMENTASI DAN ANALISIS

Subjek penyelidikan ini ialah *sundait* (teka-teki) orang Kadazandusun. Tahap-tahap penting penyelidikan ini ialah merakam, mentranskrip, membuat pengkelasan dan menganalisis *sundait* untuk mengesan unsur kepercayaan, kepekaan, pengajaran dan pandangan dunia orang Kadazandusun. Melalui kerja lapangan, pengkaji telah merakam lima ratus tiga puluh enam buah *sundait* dan maklumat kegiatan “bersundait” daripada informan pelbagai keturunan Kadazandusun di beberapa lokasi terpilih di Pantai Barat dan Pedalaman Sabah. Hasil kerja lapangan telah ditranskrip ke dalam dua bentuk teks verbatim (teks verbatim *sundait* dan teks temu bual *sundait*) dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu serta disusun mengikut lokasi tempat kajian. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini memberikan empat sumbangan penting. Pertama, lima ratus tiga puluh enam buah *sundait* telah dirakam dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bagi bacaan generasi akan datang. Kedua, pengkelasan *sundait* kepada beberapa subgenre merupakan input yang signifikan bagi melestarikan khazanah rakyat ini. Ketiga, konteks dan fungsi “bersundait” yang dilaporkan membolehkan seseorang memahami konteks berteka-teki yang tepat dalam budaya orang Kadazandusun. Keempat, analisis yang dibuat atas unsur kepercayaan, kepekaan, pengajaran dan pandangan dunia dalam *sundait* orang Kadazandusun membolehkan pembaca memahami konsepsi orang Kadazandusun terhadap alam ghaib dan kepercayaan, alam nyata, tumbuh-tumbuhan, binatang dan diri manusia.

ABSTRACT

The subject of this study is the Kadazandusun sundait (riddles). During the course of the research, the author recorded, transcribed, classified and analyzed various sundait in order to understand the belief, sensitivity, teaching elements and the world view of the Kadazandusun. As a result of the fieldwork exercise, the author managed to record five hundred and thirty-six sundait (along with their contexts) from the Kadazandusun informants living on the west coast and the interior of Sabah. The data obtained from the fieldwork was transcribed into two forms of verbatim text i.e., the sundait themselves and the accompanying interviews. Both verbatim texts were translated into Malay and listed to show the location of the study. Overall, the research has made several important contributions to the study of Kadazandusun riddles via the classification of five hundred and thirty-six sundait into various classes that reflect the cultural life of the Kadazandusun; the identification of several sundait subgenres, and their contexts and functions in Kadazandusun society; and the identification of Kadazandusun views on various aspects of the physical and spiritual worlds, including plants, animals and the self.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi

Bab 1: Pengenalan

1.1 Sejarah Ringkas Teka-teki	1
1.2 Definisi Teka-teki dan <i>Sundait</i>	3
1.3 Latar Belakang Kajian	5
1.4 Permasalahan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Lokasi Kajian	9
1.7 Metodologi dan Kaedah Kajian	10
1.7.1 Kerja lapangan	10
1.7.2 Tahap Mentranskrip <i>Sundait</i>	10
1.7.3 Tahap Mendokumentasi Teks Verbatim <i>Sundait</i>	11
1.7.4 Penganalisan	12
1.8 Kerangka Teori	13
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.10 Orang Kadazandusun: Satu Pengenalan	17
1.11 Penutup	27

Bab 2: Tinjauan Literatur

2.1 Pendahuluan	29
2.2 Kajian Teka-teki di Barat (Eropah dan Amerika)	29
2.3 Kajian Teka-teki di Luar Benua Eropah dan Amerika	38
2.4 Kajian Teka-teki di Asia Tenggara	43
2.5 Kajian <i>Sundait</i>	53
2.6 Penutup	56

Bab 3: Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan

3.1 Pendahuluan	61
3.2 Kerja Lapangan Mengumpul Maklumat daripada Informan	63
3.2.1 Tahap Mengenal pasti Lokasi Tempat Kajian dan Informan	64
3.2.2 Tahap Membuat Temu Janji dan Menemu bual Informan	67
3.2.3 Tahap Mentranskrip <i>Sundait</i>	69
3.2.4 Tahap Mendokumentasi Teks Verbatim <i>Sundait</i>	70
3.3 Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan di Daerah Kota Kinabalu	71
3.4 Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan di Daerah Tuaran	98
3.5 Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan di Daerah Kudat	126
3.6 Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan di Daerah Kota Belud	141
3.7 Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan di Daerah Keningau	165
3.8 Kerja Lapangan dan Hasil Kerja Lapangan di Daerah Ranau	180
3.9 Batasan dan Dapatan Kerja Lapangan	184

Bab 4: Pengkelasan *Sundait*

4.1 Pendahuluan	188
4.2 Pengkelasan Teka-teki Berdasarkan Pembayang	190
4.3 Pengkelasan Teka-teki Berasaskan Pembayang dan Jawapan	196
4.4 Pengkelasan Teka-teki Berdasarkan Subjek Kategori (Jawapan)	197
4.5 Pengkelasan <i>Sundait</i> Berasaskan Subjek Kategori (Jawapan)	200
4.6 Pengkelasan <i>Sundait</i> Hasil Kerja Lapangan	203
4.7 Pengkelasan <i>Sundait</i> Berasaskan Subjek Kategori	205
4.7.1 Alam Ghaib dan Kepercayaan	206
4.7.2 Adat	207
4.7.3. Abstraksi (<i>Abstraction</i>)	208
4.7.4 Alam	209
a) Angkasa dan Alam Fizikal	209
b) Kejadian Semula jadi dan Kejadian Alam	210
c) Unsur Alam: Air, Angin, Ombak dan Unsur Alam fizikal dan bukan fizikal hasil buatan manusia	211

d) Kegiatan yang Berkait dengan Alam Fizikal	212
4.7.5 Tumbuh-Tumbuhan, Peralatan dan Aktiviti Pertanian	
a) Tumbuh-tumbuhan Liar, Bunga Liar, Rumput dan Anatominya	212
b) Pokok Buah-buahan dan Buah-buahan (Liar atau pun yang ditanam)	213
c) Pokok Bukan Buah-buahan dan Pokok Berbuah yang Buahnya Tidak Dimakan Manusia	215
d) Tumbuh-tumbuhan Liar yang Boleh Dimakan	216
e) Kejadian Semula jadi Tumbuh-tumbuhan	216
f) Tanaman Jenis Bijiran	217
g) Tanaman Jenis Sayur-sayuran	217
h) Peralatan Pertanian dan Hasil Pertanian yang Berkaitan	218
i) Aktiviti Menanam, Menuai, Memproses dan Menjaga Hasil Tanaman	219
4.7.6 Binatang	
a) Binatang Liar bukan serangga serta Anatominya	220
b) Burung dan Binatang Bersayap lain	221
c) Serangga Liar, Ulat, Rama-Rama dan Serangga di Rumah	221
d) Binatang Air Laut dan Air Tawar seperti Ikan, Udang, Ketam dll.	223
e) Binatang Ternakan, Binatang Peliharaan, Kelahiran dan Anatominya	223
f) Binatang Bercengkerang dan Anatominya	224
g) Binatang Peliharaan dan Bukan Peliharaan di Rumah	224
h) Aktiviti Membuat Alat Memburu, Alat Menangkap Ikan dan Peralatan Pertanian	225
i) Peralatan Menangkap Ikan, Memburu Binatang dan Menghalau Binatang	225

j) Kelakuan Semula jadi Binatang dan Kelahiran Binatang	227
k) Aktiviti Mengambil Hasil Binatang dan Hasil Makanan daripada Binatang	227
4.7.7 Tempat Tinggal, Aktiviti dan Kehidupan Sehari-hari	
a) Tempat Tinggal: Kampung, Rumah, Bahagian Rumah dan Kelengkapan Rumah lain	227
b) Kemudahan Awam dan Kenderaan	229
c) Aktiviti Kehidupan dan Kehidupan Sehari-hari di Rumah	230
d) Aktiviti Memasak, Bahan Masakan, Makanan yang Dimasak, Bahan Pengawet, Bahan Membuat Minuman Tradisional, Makan dan Minum	231
e) Peralatan Kegunaan di Rumah, Peralatan Mengangkat Air dan Peralatan Dapur dll	232
f) Perniagaan dan Hal-hal Lain yang Berkaitan	234
g) Aktiviti Pelajaran dan Alatan yang Berkaitan	234
h) Aktiviti Riadah dan Alatan Riadah	235
i) Kemalangan dan Kejadian yang Tidak Diingini	235
4.7.8 Diri Manusia	
a) Manusia dan Anatominya	236
b) Kelahiran, Umur dan Kematian	238
c) Sifat Semula jadi dan Perbuatan Manusia	238
d) Pakaian, Menjahit, Perhiasan, Alat Perhiasan Manusia, Alat Mengemaskan Diri dan Alat Keperluan Fizikal Lain	239
e) Perasaan, Kejadian, Perkara dan Benda Lain yang Berkait dengan Manusia	240
4.8 Dapatan Pengkelasan <i>Sundait</i> Hasil Kerja Lapangan dan Penutup	241

Bab 5: Subgenre, Konteks dan Fungsi *Sundait*

5.1 Pendahuluan	248
5.2 Subgenre Teka-teki Beuchat	248
5.3 Subgenre Teka-teki Inon Shaharuddin dan Harun Mat Piah	249
5.4 Penjenisan Subgenre <i>Sundait</i>	253
5.5. Subgenre Sundait Berdasarkan Bentuk	253
5.5.1 <i>Sundait</i> Soalan	253
5.5.2 <i>Sundait</i> Deskripif	254
5.5.3 <i>Sundait</i> Puisi	255
5.6 Subgenre <i>Sundait</i> Berasaskan Isi	258
5.6.1 <i>Sundait</i> Mantera	258
5.6.2 <i>Sundait</i> Berunsur Lucah	260
5.7. Subgenre <i>Sundait</i> Berasaskan Bunyi	262
5.8 Konteks	264
5.8.1 Konteks Lokasi dan Situasi "Bersundait"	265
a) Musim Menuai	265
b) Konteks "Bersundait" di Luar Musim Menuai Padi	266
5.8.2 Peraturan dan Etika "Bersundait"	267
5.8.3 Pantang Larang "Bersundait"	272
5.9 Fungsi <i>Sundait</i>	274
5.9.1 Fungsi Hiburan	275
5.9.2 Fungsi Melegakan Cabaran Berkerja	277
5.9.3 Fungsi Penjelasan	278
5.9.4 Fungsi Mengisi Masa Lapang	279
5.9.5 Fungsi Menguji Kepintaran	280
5.9.6 Fungsi Mendalami dan Mengelakkan Bahasa	280
5.9.7 Merisik wanita	281
5.10 Penutup	282

Bab 6: Unsur Kepercayaan, Kepakaan, Pengajaran dan Pandangan**Dunia Orang Kadazandusun**

6.1 Pengenalan	285
6.2 Unsur Kepercayaan dalam <i>Sundait</i>	285
6.3 Unsur Kepakaan dalam <i>Sundait</i>	296
6.4 Unsur Pengajaran dalam <i>Sundait</i>	329
6.5 Pandangan Dunia dalam <i>Sundait</i>	335
6.6 Penutup	339
 Bab 7: Penutup	 341
 BIBLIOGRAFI	 345
 LAMPIRAN	 352

Senarai Jadual

Jadual 3.1: Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	66
Jadual 3.2: Senarai Penterjemah Menurut Etnik Kadazandusun	69
Jadual 3.3: Umur dan Jantina Informan	185
Jadual 4.1: Model Pengkelasan Teka-teki Harun Mat Piah (1989)	196
Jadual 4.2: Pengkelasan Teka-teki Inon Shaharuddin (1988)	197
Jadual 4.3: Pengkelasan Teka-teki Filipina Berasaskan Subjek Kategori (Hart: 1964)	199
Jadual 4.4: Model Pengkelasan <i>Sundait</i> Williams (1963)	201
Jadual 4.5: Model Pengkelasan <i>Sundait</i> Topin (1995)	201
Jadual 4.6: Model Pengkelasan <i>Sundait</i> Lokman Abdul Samad (2004)	202
Jadual 4.7: Model Pengkelasan <i>Sundait</i> Kandok (2010)	243
Jadual 5.1: Model Pengkelasan Teka-teki Inon Shaharuddin (1988)	251
Jadual 5.2: Model Pengkelasan Teka-teki Harun Mat Piah (1989)	252

Senarai Rajah

Rajah 2.1: Model Pengkelasan Teka-teki Berasaskan Struktur Georges dan Dundes (1963)	36
Rajah 4.1: Proses Biasa Penciptaan <i>Sundait</i>	205

Senarai Peta

Peta Sabah 3.1: Tempat Pengumpulan *Sundait* Kadazandusun

66

Senarai Singkatan

USDA	:	United Sabah Dusun Association
KDCA	:	Kadazandusun Cultural Association
BNBCC	:	British North Borneo Chartered Company
INPES	:	Institut Penilaian Sastera

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Sejarah Ringkas Teka-teki

Teka-teki, iaitu satu daripada genre sastera rakyat bukan bercorak cerita mempunyai rentetan sejarah yang panjang dalam kehidupan manusia. Pengkaji sastera rakyat mendapati teka-teki dapat ditemui dalam budaya pelbagai suku dan bangsa yang tinggal di benua Asia, Timur Tengah, Eropah, Afrika, Australia dan benua-benua lain sejak dari zaman silam lagi. Hal ini tercatat dalam *The Encyclopedia of Religion* (1995: 198) sebagai teka-teki telah dikenali umum sejak zaman silam lagi. Seperti dengan genre tradisi lisan lain, teka-teki telah muncul pada zaman sebelum manusia mengenali huruf lagi.

Jika diamati, kewujudan teka-teki telah diketahui di beberapa buah negara bertamadun tua seperti India, Palestine dan Mesopotamia sejak beberapa ribu tahun dahulu. Terdapat banyak teks agung silam seperti *Rig Veda* (India), *Old Testament*, dan *Icelandic Sagas* yang mengandungi teka-teki. Teka-teki tua yang ditemui dalam serpihan tanah liat di Mesopotamia menunjukkan teka-teki ini mempunyai rentetan sejarah yang panjang, memandangkan teka-teki berkenaan telah tercatat dalam tulisan klasik Sumaria yang dikenali sebagai *Cuneiform* pada sekitar 3100 S.M. Teka-teki tertua yang dikenal pasti setakat kini terdapat dalam puisi Vedic (*Vedic poetry*), yang dicipta pada pertengahan tahun kedua sebelum masihi. Cerita terkenal tentang teka-teki terdapat dalam *Old Testament: Judges 14*, yang mengisahkan Samson, seorang Yahudi bertanya kepada Philistine: "Out of the eater came something to eat; Out of the strong men came something sweet." (Answer: What is sweeter than honey? What is stronger than a lion?) Selain itu, dalam *Old Testment* juga melaporkan pertandingan berteka-teki antara Maharaja Solomon Jerusalem dengan Maharani Sheba. Aristotle ialah cendekiawan pertama yang menarik perhatian umum, apabila beliau

menyamakan teka-teki dengan metafora. Katanya, "Good riddles do, in general, provide us with satisfactory metaphors: for metaphor simply riddles, and therefore a good riddle can furnish a good metaphor." (Dalam Kaivola-Bregenhoj, 2001: 9). Teka-teki seperti ini membuktikan kepada kita bahawa genre sastera rakyat ini bukan sahaja sudah lama wujud malah dianggap penting dalam masyarakat zaman dahulu hingga teka-teki disebut dalam kitab suci agama pada zaman silam.

Buku tertua yang memuatkan teka-teki ialah *Babylonian School Text* (Taylor, 1948). Selain itu, Plato juga telah menyebut tentang teka-teki dalam bukunya *Republic* (Dalam *The Encyclopedia of Religion*, 1995: 198). Di negara Yunani purba, paderi-paderi kerap kali melahirkan mesej dalam bentuk teka-teki pada zaman Yunani purba, paderi yang dipanggil *oracles* kerap kali menyatakan mesej mereka dalam bentuk teka-teki. Satu daripada contoh teka-teki yang masyhur pada zaman Yunani lampau ialah "Apakah benda yang mempunyai satu suara dan boleh menjadi empat kaki, dua kaki, dan tiga kaki?" (Jawapan: Bayi yang merangkak dengan kedua-dua tangan dan kakinya, kemudian berjalan dengan dua kaki semasa dewasa, dan akhirnya memerlukan tongkat apabila tua) (*Ensiklopedia Dunia*, 2005: 208).

Pada kira-kira 700-an, penyajak di Eropah gemar mencipta teka-teki justeru terbitnya sebuah buku yang dikenali sebagai *Exeter Book*. Buku zaman pertengahan ini telah menghimpunkan hampir seratus buah teka-teki di Eropah. Di England pula, terbitnya sebuah buku teka-teki yang berjudul *Amusing Questions* pada tahun 1511 (*The World Book Encyclopedia*, 1992: 272). Sumber teka-teki awal yang diterbitkan di Yunani dan England ini menunjukkan bahawa sememangnya teka-teki telah lama bertapak di Barat, yang berkait rapat dengan unsur kepercayaan dan hiburan.

Sejarah ringkas sumber bertulis teka-teki yang dibincangkan di atas menunjukkan kepada kita bahawa betapa pentingnya genre sastera rakyat ini dalam kehidupan manusia zaman lampau, begitu juga dengan *sundait* kepunyaan orang Kadazandusun.

1.2 Definisi Teka-teki dan *Sundait*

Teka-teki (*riddle*) ialah satu daripada genre tradisi lisan dalam bidang sastera rakyat yang digemari hampir semua suku dan bangsa di dunia ini. Sebelum penulis mendefinisikan *sundait*, iaitu teka-teki kepunyaan orang Kadazandusun, ada baiknya bagi kita mendalamai apakah itu *riddle* dalam bahasa Inggeris dan teka-teki dalam bahasa Melayu terlebih dahulu.

Merujuk kepada *Kamus Dewan* (2005: 1628), kata dasar teka-teki ialah “teka” yang membawa maksud menebak, menduga dan mengagak. Dengan kata lain, teka-teki dikemukakan secara samar-samar dan rumit, jawapannya harus diduga; soalan untuk menduga akal; sesuatu perkara yang susah atau sulit diselesaikan. Menurut Lokman Abdul Samad (2004: 42), teka-teki Melayu adalah diwarisi secara transmisi daripada generasi-generasi terdahulu kepada generasi baharu. Teka-teki juga dianggap oleh anggota masyarakat sebagai hak milik mereka bersama dan menjadi sebahagian daripada tradisi masyarakat mereka. Genre sastera lisan ini masih lagi dipelihara dan dituturkan oleh segelintir masyarakat Melayu yang menganggapnya warisan budaya yang masih tinggi nilainya. Seterusnya, dalam bahasa Inggeris *riddle* dertiakan sebagai *terse description of objects in terms intended to suggest something entirely different* (Tylor, 1959) (Dalam Inon Shaharuddin Abdul Rahman, 1988: vii).

Pengkaji sastera rakyat seperti George dan Dundes pula (1963 [1975]: 111) memberikan penjelasan berikut:

Riddle is a traditional verbal expression which contains one or more descriptive elements, a pair of which may be in opposition; the referent of the elements is to be guessed.

Inon Shaharuddin Abdul Rahman (1988: vii) pula menyatakan bahawa teka-teki Melayu bukan sahaja terbatas kepada jawapan eka-perkataan (*one word answer*) atau jawapan panjang bagi teka-teki masalah (*problem type riddles*); tetapi ia juga memerlukan jawapan yang berirama atau bersanjak dengan pembayang teka-teki itu. Harun Mat Piah (1989: 343) pula menyatakan bahawa teka-teki merupakan satu genre puisi yang tersendiri

terutamanya dari segi isi dan fungsi. Bagaimanapun, dari segi bentuk dan struktur ia tergolong sebagai bentuk bebas yang terdiri daripada ungkapan-ungkapan yang mungkin tergolong ke dalam genre yang lain, terutamanya syair dan pantun. Menurutnya lagi, teka-teki terdapat dalam bentuk prosa, merupakan kalimat-kalimat yang sederhana atau yang lebih panjang.

Lokman Abdul Samad (2004: 43-44) mencatatkan bahawa kata *sundait* merupakan gabungan dua patah perkataan, iaitu “*sunudai*” (beritahu) dan “*karait*” (dapat menjawap). Oleh itu, *sundait* adalah sama dengan teka-teki kerana *sundait* mengandungi soalan dan jawapan, yang memerlukan satu kelompok penutur dan peneka. Evans (1955) dalam “*Some Dusun Proverbs and Proverbial Saying*” ada menyebut tentang *siriban* dan *sundapat*. Seterusnya, Evans (1955:233) membezakan *siriban* dan *sundapat* melalui catatan berikut:

- i. *Siriban (the word is equivalent to Malay word sindiran, sneering talk) are usually short, pithy and incisive sayings, often sneering, ironical, derisive, sententious, or metaphorical.*
- ii. *Sundapat seems to be of the same derivation as the Malay word dapat, to get—something got by thinking. I am told that a man will sometimes say, "Aiisok pandapat", "I can't "get it," "get it" in the sense of understanding of finding the answer to riddle or to some problem.*

Berdasarkan catatan di atas, penulis dapati *sundapat* yang disebut oleh Evans (1955) ialah satu daripada subgenre *sundait*. Menurut Lokman Abdul Samad (2004: 43) lagi, *sundait* adalah salah satu bentuk khazanah sastera rakyat tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Kadazandusun. *Sundait* masih dituturkan oleh masyarakat Kadazandusun oleh generasi tua sehingga kini terutamanya masyarakat Kadazandusun yang tinggal di luar bandar. Bagi mengelakkan kebosanan atau sebagai hiburan, *sundait* lazimnya dituturkan pada musim menuai padi. Dengan berbalas-balas *sundait* yang biasanya dilakukan oleh lelaki dan perempuan ketika menuai padi, suasana menjadi meriah. Petikan berikut dapat menggambarkan kemeriahannya berkenaan:

Sesungguhnya perkara yang dapat mengelirukan si pendengar itulah yang mewujudkan keceriaan atau menggelikan hati. Lazimnya, apabila si peneka gagal untuk menjawab *sundait*

tersebut, keadaan akan bertambah meriah dan akan bermulalah senario saling berbalas-balas sundait, masing-masing akan membawa pelbagai tema yang mengharapkan si peneka akan gagal untuk menjawabnya (Lokman Abdul Samad, 2004: 47).

Seterusnya, Lokman Abdul samad (2004: 44) menjelaskan bahawa *sundait* dilakukan seolah-olah suatu pertandingan kerana aktiviti ini menguji kebijaksanaan dan ketajaman fikiran kedua-dua belah pihak. Pemenangnya adalah pihak yang dapat menjawab *sundait* dengan tepat dan banyak (melebihi pihak yang satu lagi).

Berdasarkan penjelasan di atas, jelas bahawa *sundait* orang Kadazandusun sama dengan teka-teki Melayu dan *riddles* di Barat. Namun begitu, penulis dapati *sundait* mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana *sundait* berkait rapat dengan kehidupan, pantang larang dan kepercayaan orang Kadazandusun.

1.3 Latar Belakang Kajian

Orang Kadazandusun merupakan satu daripada rumpun etnik di Sabah yang kaya dengan pelbagai genre sastera rakyat, yang disebarluaskan dari satu generasi ke satu generasi lain secara lisan. Pada masa kini, terdapat banyak orang tua-tua Kadazandusun didapati masih menuturkan pelbagai genre sastera rakyat berbentuk cerita seperti mitos, legenda, dan cerita rakyat serta sastera rakyat bukan bercorak cerita seperti *sundait* (teka-teki), peribahasa, *rinait* (mantera) dan puisi tradisional.

Daripada sebegini banyak sastera rakyat bukan bercorak cerita, penulis tertarik dengan *sundait* (teka-teki) orang Kadazandusun. Tinjauan awal yang pengkaji lakukan di sekitar Tuaran, Menggatal dan Kota Kinabalu mendapati bahawa kebanyakan warga tua Kadazandusun yang hidup pada masa kini di tempat-tempat berkenaan masih ingat akan *sundait* yang pernah dituturkan oleh orang tua-tua pada masa dahulu. Informan yang pengkaji temui seperti Romzi Abdullah, Setia Sugara dan Abar Gumpai memberitahu bahawa aktiviti berteka-teki dalam kalangan orang Kadazandusun di Sabah pada sekitar 1960-

an adalah begitu giat sekali, khususnya pada musim menuai padi. Mereka mengatakan bahawa para petani yang menuai padi pada masa itu melibatkan diri dalam aktiviti berteka-teki. Dengan kata lain, terdapat banyak *sundait* yang ditanya dan dijawap dalam kalangan petani yang sedang bergotong-royong menuai padi di bukit atau di sawah pada setiap tahun. Dari setahun ke setahun, banyak sekali *sundait* lama yang berulang-ulang disebarluaskan secara lisani. Tidak ketinggalan, terdapat banyak *sundait* baru yang dicipta oleh petani yang kreatif. Keadaan sebegini menyebabkan beratus-ratus buah *sundait* diwarisi dari satu generasi ke satu generasi lain sehingga ke masa kini.

Aktiviti berteka-teki amat menghiburkan antara pihak yang bertanyakan *sundait* dan juga pihak yang cuba meneka jawapannya. Ketiga-tiga informan yang pengkaji temui di peringkat awal turut memberitahu orang kampung mempunyai pantang-larang agar tidak berteka-teki pada hari-hari biasa kecuali musim menuai padi. Menurut mereka lagi, orang kampung percaya bahawa jika mereka melanggar pantang larang ini maka hasil padi akan terjejas.

Berdasarkan tinjauan awal yang penulis lakukan ini, pengkaji yakin bahawa sebahagian besar daripada *sundait* yang dicipta oleh orang Kadazandusun pada masa lampau masih diwarisi sehingga ke hari ini. Atas sebab ini, penulis yakin dapat mengumpul sejumlah *sundait* daripada mulut informan keturunan Kadazandusun kelak.

Berdasarkan tinjauan awal yang pengkaji lakukan di Perpustakaan Penyelidikan Negeri Sabah, Perpustakaan Tun Fuad dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, didapati tidak banyak penerbitan akademik atas *sundait* orang Kadazandusun dilakukan oleh pengkaji tempatan atau pun pengkaji luar (huraian terperinci dimuatkan dalam bab tinjauan literatur).

Menyedari betapa jauhnya masyarakat Kadazandusun ketinggalan dari segi kerja pendokumentasian khazanah tradisi lisannya, Raymond Bion Tambong (1994: 3) sebagai contoh menegaskan:

Setiap orang Dusun seharusnya menyedari bahawa orang tua-tua yang masih hidup pada masa kini sebenarnya adalah aset khazanah budaya yang harus ditimba pengetahuan kebudayaannya sebelum mereka meninggal dunia dan dibawa pergi bersama mereka buat selama-lamanya, warisan budaya lisan yang amat banyak dan berharga. Kehilangan sedemikian adalah kehilangan yang tragik dan berkekalan; ia tidak akan dapat ditarik semula atau dibatalkan. Yang hilang dan tidak tertulis akan tercincir daripada kenangan dan identiti bangsa buat selama-lamanya. Ia tidak lagi menjadi sebahagian daripada warisan kehidupan kita dan tidak lagi menjadi unsur sosio-psikologikal yang membentuk pemikiran dan perwakatan bangsa Dusun.

Kata-kata Raymond Bion Tambong (1994) ini mempunyai kebenarannya yang tertentu. Sesungguhnya masyarakat Kadazandusun mempunyai warisan sastera lisannya yang bernilai tinggi dan setaraf dengan mana-mana sastera lisan agung dunia seperti yang diakui oleh Appell (1991), seorang pengkaji antropologi orang Rungus yang tersohor. Menurut Appell (1991),

There is a highly developed, exceptionally beautiful oral literature in Sabah that is found among all of the indigenous peoples. While its existence is recognized by many, its importance is frequently overlooked, and it is not well documented. Much of this literature is based on the prayers and the chants that are used in the agricultural cycle, in courting and marriage, in curing illness, and in protecting or renewing the fertility of the village territory. It is fully as beautiful and sophisticated in its poetic imagery as the Old Norse Sagas, the Homeric epics, or the literature from India. Thus, in terms of its aesthetic values it is equivalent to any of the world's great literatures.

Selain mengakui kehebatan sastera lisan masyarakat Kadazandusun, Appell (1992) juga melahirkan keimbangan tentang kepupusan warisan sastera lisan ini, jika usaha-usaha mengumpulnya tidak dilakukan. Menurutnya,

It is clear that if something were not done in the next five years to ten years, the beautiful oral literature of the people in Kudat Division would gone.

Jamdin Buyong (1974), seorang pengkaji budaya tempatan Sabah turut menyatakan kebimbangannya dalam isu ini. Pengkaji ini menyatakan bahawa peluang untuk mengkaji sastera rakyat Sabah dengan mendalam akan tertutup

BIBLIOGRAFI

- Abd. Jaffear Henry. 1981. Kepercayaan Animisme Suku Kaum Dusun (Kadazan) di Sabah. Dalam Wazir Jaham Karim. *Modul Agama dan Masyarakat*: 258-277. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abu Hassan Sham. 2006. Pandangan Semesta Berdasarkan Gurindam. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (peny.). *Pandangan Semesta Melayu: Pantum*: 227-241. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anthony Gibon. 1986. *Tambunan: The People, Their Culture and Customary Laws*. Kota Kinabalu: Kadazan Cultural Association.
- Appell, Geroge N. 1963. Myths and Legends about the Rungus of the Kudat District. *The Sabah Society Journal*, Vol. 4: 9-15.
- _____. 1978. The Rungus Dusun. In King, Victor . *Essays on Borneo Societies*: 143-171. Great Britain: University of Hull.
- _____. 1991. Urgent Ethnographic Research Problems in Sabah. Dalam *Borneo Research Bulletin*, Vol. 23: 144-145. Virginia, U.S.A: Borneo Research Council.
- _____. 1992. The Sabah Oral Literature Project: Report for the Period 1986 to 1992. *Persidangan Dwi-Tahunan Kedua Majlis Penyelidikan Borneo*. Kota Kinabalu. 13-17 Julai
- Arena Wati. 1978. *Dusun: Satu Tinjauan dalam Konteks Kepercayaan, Kultus dan Hukum Adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Bascom, William R. 1965. Four Function of Folklore. Dalam Dundes, Alan (ed.). *The Study of Folklore*: 279-298. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Beuchat, P.D. 1965. Riddles in Bantu. Dalam Dundes, Alan (ed.). *The Study of Folklore*: 182-205. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Charuruks, Irene Benggong and Padasion, Janette. 1992. *Culture, Customs and Traditions of Sabah, Malaysia: An Introduction*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Dayu Sansalu. 2008. *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pemodenan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dundes, Alan. 1965. *The Study of Folklore*. New Jersey: Prentice-Hall.

- _____. 1968. *Every Man His Way: Readings in Cultural Anthropology*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice Hall.
- _____. 1980. *Interpreting Folklore*. Bloomington: Indiana University Press.
- Dundes, Alan and Georges, Robert A. 1963 [1975]. Toward a Structural Definition of the Riddle. In Dundes, A. *Analytic Essays in Folklore*: 95-102. Paris: Mouton.
- Dundes, Alan dan Ved Prakash Vatuk. *Some Characteristic Meters of Hindi Riddle Prosody*. Dlm <http://nirc.nanzan-u.ac.jp/publications/afs/pdf/a268.pdf>. (Dicetak pada 18 Disember 2010).
- Durga Bhagwat. 1965. *The Riddle in Indian Life Lore and Literature*. Bombay: Popular Prakashan.
- Enriquez, C.M. 1927. *Kinabalu. The Haunted Mountain of Borneo*. London: H.F & G. Witherby.
- Eugenio, Damiana L. 1995. *Asean Folk Literature an Anthology*. Manila: Asean Committee on Culture and Information.
- Evans, Ivor H.N. 1951. Dusun Riddles. *The Sarawak Museum Journal*. **V**: 553-561.
- _____. 1953. *The Religion of the Tempasuk Dusun of North Borneo*. Cambrige: The London Cambridge University.
- _____. 1954. More Dusun Riddles. *The Sarawak Museum Journal*. **VI**: 21-35.
- _____. 1955. Some Dusun Proverbs and Proverbial Saying. *The Sarawak Museum Journal*. **VI**: 233-244.
- Fatimah Md. Yassin. 1991. Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan: Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. Dlm Mohd. Taib Osman (peny.). 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*: 150-187. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fernando, C. 1978. *The Way of Life of the Kadazan (Dusun) in the Interior of Sabah (Borneo)* (Bachelors degree thesis). South India: Madurai University.
- Fung Lan Yong. 1996. Beliefs and Customs Handed Down Today. *Borneo Post*. 20th January: 8

- Halina Sendera Mohd. Yakin dan Saidatul Nornis Haji Mahali. 2008. *Duang: The Semiotic Interpretation and Perception of the Bajau-Sama Community in Sabah*. Dalam *SARI* 26: 71-78. Banggi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamiddun Udin. 1991. *Masyarakat Kadazandusun di Daerah Ranau. Kajian Identiti dan Interaksi antara Agama*. Kuala Lumpur: Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya.
- Harrison, Tom and Harisson, Barbara. 1971. *The Prehistory of Sabah*. Kota Kinabalu: The Sabah Society Journal: 1-272
- Hart, Donn V. 1964. *Riddles in Filipino Folklore: An Anthropological Analysis*. New York: Syracuse University Press.
- Haron Daud. 2001. *Mantera Melayu. Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hurlbut, Hope. 1986. Traditional Beliefs of The Eastern (Labuk) Kadazan People. *Sabah Museum and Archives Journal*. Vol. 1: 111-171.
- Hutton, Wendy. 2003. *Sabah Colour Guide: Kudat*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Inon Shaharuddin Abdul Rahman. 1988. *Teka-teki Warisan*. Singapura: Teks Publishing Sdn Bhd.
- Jabatan Muzium Sabah. 1993. *Padi dan Keajaibannya*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Banci Penduduk Sabah Mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik 2010*.
- Jaiping Minsu. 2008. *Budaya Suku Kaum Tobilung*. Kota Kinabalu: Jaiping Minsu.
- Jamdin Buyong. 1974. Pengumpulan Tradisi Lisan di Sabah: Metode dan Masaalah. Dlm Mohd Taib Osman. (Peny.). *Tradisi Lisan di Malaysia*: Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Malaysia.
- "Kadazan-Dusun". Dlm (<http://wapedia.mobi/ms/Kadazan>) (Dicetak 26 Januari, 2011).

- Kaivola-Bregenhoj, Annikki. 2001. *Riddles. Perspective on the Use, Function and Change in a Folklore Genre*. Helsinki: Finnish Literature Society.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Komoiboros Dusun Kadazan*. 1994. Kota Kinabalu: Mongulud Boros Dusunkadazan.
- Longman Dictionary of Contemporary English. 2003. Harlow, England: Pearson Education Limited
- Lasimbang, Rita *et al*. 2002. Exploring the Art of the Bobohizan—Keeper of Kadazan Rituals and Chants (conference paper). *Borneo Research Council Seventh Biennial International Conference*. Kota Kinabalu, Universiti Malaysia Sabah. 15-18 Julai.
- Lokman Abdul Samad. 2004. *Sundait Pengucapan Istimewa Masyarakat Kadazandusun*. Dalam Mohd Sarim Hj. Mustajab. *Warisan Budaya Sabah Etnisti dan Masyarakat*. 41-52. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Low Kok On. 2005. *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Luping, Herman James. 1985. *The Kadazan and Sabah Politics* (Doctorate Thesis). New Zealand: Victoria University of Wellington.
- _____. 2009. *Indigenous Ethnic Communities of Sabah The Kadazandusun*. Kuala Lumpur: Ministry of Information, Communications and Culture Malaysia.
- Mat Zin Mat Kib. 2008. Anak Negeri Sabah dalam Perlembagaan Negeri Sabah: Satu Tafsiran. *Dlm Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*: 12-23. Dewan Bahasa dan Pustaka. Disember.
- Mohd. Taib Othman. 1982. *Manual For Collecting Oral Tradition With Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (peny.). 1991. *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nazurty, Aripudin dan Yulis Herman. 2001. *Teka-teki dalam Bahasa Kerinci* Desripsi dan Analisis Makna. Jakarta: Pusat Bahasa Departmen Pendidikan Nasional Jakarta.

New Sabah Times. 2011. Astronomy and Rice Farming. May 14: 9.

Nor Aina Dani. 2000. The Kadazandusun Language: Past and Present. *Daily Express*. 8th August: 6.

"Orang Austronesia". Dlm http://wapedia.mobi/ms/Orang_Austronesia (Dicetak 26 Januari, 2011).

Porodong, Paul. 2004. The Impact of Colonialism on the Indigenous Society.in A Case Study in Kudat District of Sabah. In Mohd. Sarim Mustajab (ed.), *Warisan Budaya Sabah: Etnisiti dan Masyarakat*: 77-103. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Pugh-Kitingan, Jacqueline and Baptist, Judeth John. 2009. Music for Cleansing the Druming and Gong Ensemble Music in the Mamahui Pogun Ceremonies of the Lotud Dusun of Tuaran, Sabah, Malaysia. *Borneo Research Bulletin*: Vol. 40: 249-276. U.S.A.: Borneo Research Council, Inc.

"Ranau". Dlm <http://ms.wikipedia.org/wiki/Ranau>. (Dicetak pada 03 November 2010)

Ras Mongoloid http://id.wikipedia.org/wiki/Ras_Mongoloid (Dicetak 26 Januari, 2011).

Raymond Bion Tombung. 1994. *Sastera Dusun*. Kota Kinabalu: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.

Reid, Anthony. 1997. Endangered Identity: Kadazan or Dusun in Sabah. Dlm *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. 28 (March): 120-136. Singapore: National University of Singapore.

"Riddle". *The World Book Encyclopedia (International)*, Vo. 16. 1992. Chicago: World Boon, Inc.

"Riddle". 1995. The Encyclopedia of Religion. Vol II. 1995. Singapore: Simon & Schuster Macmillan: 198.

Roziah Uji Razalie (peny.). 2008. *Dusun Riddles of Sabah*. Kota Kinabalu: Opus Publications.

"Sejarah Pesta Menuai". 1986. Dalam *Buku Cenderamata Pesta Menuai 1986*: 24.

Kota Kinabalu: Jawatankuasa Penganjur Pesta Menuai 1986.

Suraya Sintang. 2007. *Kehidupan Beragama Masyarakat Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Suwardi Endraswara. 2005. *Tradisi Lisan Jawa: Warisan Abadi Budaya Leluhur*. Yogyakarta: Penerbit Narasi Yogyakarta.

Taylor, Archer. 1951. *English Riddles from Oral Tradition*. Berkeley: University of California Press.

"Teka-teki". 1998. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Jilid 2: 954. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Teka-teki". *Ensiklopedia Dunia*. Jilid 21: 208. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Toelken, Barre. 1996. *The Dynamics of Folklore*. Logan, Utah: Utah State University Press.

Tongkul, Felix. 2007. *Traditional System of Indigenous Peoples of Sabah, Malaysia*. Kota Kinabalu: Pacos Trust.

Topin, Benedict. 2003. The Significance of Unduk Ngadau in Kaamatan Festival. Dalam *Buku Cendera Hati Pesta Kaamatan 2003 Wilayah Persekutuan Labuan*: 31-33.

Topin, Benedict. 1996. *Sharings on Kadazandusun Culture*. Penampang: Sabah State Library, Penampang Branch.

Topin, Benedict. 1995. 'Sundait Bandak, Tala'ala Om Lilingiyon Pangaan Ko-1'. Kota Kinabalu: Koisaan Cultural Development Institute.

Topin, Benedict. 1981. *Some Aspects of the Kadazandusun Culture*. Kadazan Culture Association 2nd Delegates Conference. Kota Kinabalu. 5th-6th December.

Utusan Borneo. 1996. *Kemburongoh* [Komburongoh] dan *Gonding* Kini Semakin Hilang. 10 Ogos: 18.

Wazir Jahan Karim. 1987. *Agama dan Masyarakat*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Luar Kampus, USM.

- Whelan, F.G. 1970. *A history of Sabah*. Kuala Lumpur: Macmillan.
- Wellings, D. 1968. Susundoiton Do Dusun Do Id Sabah. *Sabah Society Journal*. Vol. 3(4): 297-298.
- Williams, Thomas Rhys. 1965. The Dusun A North Borneo Society. New York: Holt, Rinehart and Winston Inc.
- Williams, T.R. 1963. The Form and Function of Tambunan Dusun Riddles. *Journal of American Folklore* 76: 95-177.
- Williams, Thomas Rhys. 1969. *A Borneo Childhood: Enculturation in Dusun Society*. London: Holt, Rinehart and Winston.
- Yunus Sauman. 2003. Sejarah Perkembangan Penyelidikan Arkeologi di Sabah. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pembinaan Nasion Malaysia. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia, Sabah. 29-10 Ogos: 1-2.
- Yap Beng Liang. 1985. The Traditional Worlds-Views of the Indigenous People of Sabah. Dalam Mohd. Taib Osman (Peny.). *Malaysian World-View*. 84-92. Kuala Lumpur: Southeast Asian Studies Program, Institute of Southeast Asian Studies.
- Zainal Abidin Borhan. 2006. Pantun dan Ungkapan serta Pandangan Semesta Melayu. Dalam Rogayah A. Hamid dan Jumaah Ilias (peny.). *Pandangan Semesta Melayu: Pantun*: 242-261. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.